



جاتن کحاکیمن شرعیہ ملیسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL : 03-888 64800

FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 3 (57)

13 Rabiulawwal, 1427H/

12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia


Arahan Amalan No. 7 Tahun 2006

Panduan Darihal Aduan Kesalahan Jenayah Syariah Kepada Hakim

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa kes jenayah yang melibatkan aduan pengadu kepada Hakim menurut seksyen 74 Akta /Enakmen/Ordinan Prosedur Jenayah Syariah. Hakim yang menerima aduan tidak dibenarkan mendengar dan memutuskan kes pengadu di hadapannya yang difailkan oleh Ketua Pendakwa Syarie / Pendakwa Syarie dan hendaklah didengar dan diputuskan oleh Hakim yang lain.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa7/2006